

Aplikasi ICT di sekolah: Peranan guru atau beban tugas?

UB 21.6.2017 B4

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG

DEWASA ini, persekitaran dunia semasa sentiasa terdedah dengan gelombang transformasi yang berlaku begitu drastik sekali. Begitu juga dengan dunia pendidikan tidak terkecuali daripada simbah arus perdana perubahan ini. Pelbagai kajian, penemuan dalam ciptaan sains dan teknologi membuatkan dunia pendidikan yang begitu konservatif nampak tidak dapat bertahan lagi. Ungkapan seperti teknologi maklumat, komputer, SMM, APDM, Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah, e-operasi, e-hadir, e-pangkat, teknologi maklumat dan komunikasi, Sekolah Bestari, Kad Pintar, Sekolah Pintar, dan lain-lain lagi membuat semua warga pendidik kena akur bahawa perubahan sentiasa berlaku dan mereka adalah bahagian daripadanya.

Warga pendidik perlu peka dan menentukan haluan sama ada memilih untuk mendahuluinya atau sentiasa bersamanya atau menjadi pemerhati dan mengikutinya dari belakang. Keputusan berada di tangan masing-masing. Tepuk dada, tanya selera.

Apabila membicarakan tentang ICT dalam pendidikan, ramai yang beranggapan bahawa ia membawa impak yang besar kepada dunia pendidikan. Apakah yang dimaksudkan dengan ICT? Apakah kaitannya dengan pendidikan terutamanya berhubung dengan peranan dan beban tugas guru di sekolah? Adakah ICT satu keperluan di sekolah atau sebaliknya? Persoalan-persoalan inilah yang perlu difikirkan bersama. Hal ini kerana ICT telah mengubah cara guru mengajar dan cara

pelajar belajar.

Bagaimanapun terdapat segelintir masyarakat menyatakan bahawa perkembangan ICT di sekolah memberi implikasi kepada beban tugas guru. Beban tugas bertambah dan lebih parah lagi apabila guru di Baratkan sebagai kerani. Justeru, adakah kewujudan ICT di sekolah membawa kepada beban tugas guru yang kian bertambah? Atau adakah selaras perkembangan semasa, kemahiran ICT menjadi kemestian bagi membolehkan guru dan pelajar lebih kompeten dan berdayasaing?

Sekiranya organisasi sekolah mempunyai prasarana dan infrastruktur yang sesuai, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan berbantuan kemudahan ICT ini akan mengoptimalkan pembelajaran. Oleh yang demikian, warga pendidik atau lebih dikenali sebagai guru memainkan peranan penting dalam mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian pelajar.

Impaknya kemudahan ICT sudah menjadi satu keperluan dalam banyak bidang tugas pada masa ini. Kesungguhan bagi memastikan tiada yang ketinggalan daripada kemudahan dan perkembangannya telah ditunjukkan oleh semua pihak sama ada di peringkat pembuat dasar mahupun di pihak pelaksana. Warga pendidik perlu memperlengkapkan diri dengan kemahiran yang ada bagi mengharungi cabaran dunia ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai dasar ataupun langkah untuk memajukan bidang pendidikan termasuklah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010.

Salah satu daripada teras PIPP ialah memperkasakan sekolah kebangsaan (KPM, 2006). Bagi tujuan itu, program pembestarian sekolah dan pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) telah diwujudkan.

Program pembestarian sekolah melibatkan penggunaan ICT secara sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Namun persoalannya adakah program ini dijalankan di semua sekolah. Justeru, warga pendidik digesa supaya melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan teknik atau kemahiran yang berteraskan teknologi maklumat bagi menghadapi cabaran profesion perguruan.

Komitmen kerajaan untuk memajukan sistem pendidikan terus diperluaskan. Kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Menerusi PPPM 2013-2025 tersebut terdapat 11 anjakan yang perlu diambil perhatian. Salah satu anjakan yang amat mustahak ialah anjakan yang ke tujuh. Dalam anjakan ini, kerajaan akan memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran. Kementerian akan meningkatkan akses Internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui pelaksanaan 1 Bestari Net bagi ke semua 10,000 buah sekolah yang sepatutnya telah selesai sepenuhnya pada penghujung 2013.

Selain itu, institusi pendidikan seperti sekolah sama ada bandar mahupun luar bandar telah dilengkapi dengan segala prasarana ICT seperti kemudahan projektor, kemudahan akses Internet yang baik serta makmal komputer, malah para pendidik juga turut dibekalkan dengan komputer masing-masing. Namun timbul persoalan adakah guru telah

menggunakan kemudahan yang telah disediakan itu?

Guru merupakan agen transformasi dalam institusi pendidikan. Guru dan ICT boleh berjalan seiring untuk meningkatkan sesebuah sekolah. ICT dilihat sebagai alat pedagogi yang boleh digunakan oleh guru untuk membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, penggunaan ICT telah membawa perubahan kepada peranan guru. ICT telah mengubah peranan guru daripada 'sage on the stage' (pendita di atas pentas) kepada 'guide by the side' (pembimbing di sisi).

Selain itu, penggunaan ICT di sekolah mengakibatkan guru yang selama ini lebih berperanan sebagai penyampai maklumat berubah menjadi 'pemegang' pelbagai peranan dalam bilik darjah. Guru kini juga turut berfungsi sebagai fasilitator, pengurus, kaunselor, pendorong dan penyelarasan bahan sumber pembelajaran di samping menjadi pembimbing, 'pengemudi pengetahuan' dan perunding, malah adakalanya perlu menjadi pelajar dalam sesi pembelajaran.

Implikasinya banyak rungutan dan rasa tidak puas hati guru akibat beban tugas yang mereka tanggung. Kerja-kerja perkeranian itu memaksa guru menghabiskan masa untuk menyiapkan data-data yang belum disiapkan. Bahkan yang lebih malang lagi apabila sebahagian guru merungut bahawa dasar kerajaan sekarang terutamanya dalam pengintegrasian ICT dalam pendidikan membawa kesan yang serius kepada masa bersama keluarga yang agak terhad.

Justeru itu, banyak cadangan yang dikemukakan untuk mengurangkan beban tugas guru. Salah satu yang telah

dikemukakan ialah mewujudkan guru pembantu sebagai guru kedua. Cadangan yang telah dikemukakan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) sememangnya amat tepat dan perlu pertimbangan sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.

Namun guru pembantu atau guru kedua yang dimaksudkan bukanlah melaksanakan tugas mengajar secara langsung seperti tugas guru yang sedia ada. Ianya lebih kepada membantu melaksanakan tugas-tugas perkeranian dalam kelas termasuk pengurusan program teknologi maklumat dan komunikasi ICT serta menguruskan perkara-perkara yang melibatkan murid, misalnya masalah Key-in data dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) dan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS), e-hadir, e-operasi dan sebagainya.

Ringkasnya, kebanyakan tugas guru kedua yang dicadangkan itu hampir sama dengan tugas Jawatan Pembantu Pengurusan Murid yang ditempatkan di pra sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Berdasarkan senarai tugas umum yang ditetapkan pada cadangan berkenaan, Guru kedua hanya membantu dalam tugas-tugas sampingan. Justeru, isu pertindihan tugas terutamanya yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran secara teorinya tidak timbul.

Secara realitinya cuba bayangkan sekiranya peranan dan beban tugas guru yang kian bertambah ini tidak ditangani dengan bijak. Apakah ianya tidak mempengaruhi kepada proses pengajaran dan pembelajaran guru? Sedangkan sangat jelas dalam pekeling pendidikan tugas dan peranan guru adalah mengajar dan tugas pelajar adalah belajar.

Apa yang pasti peranan

dan beban tugas guru adalah seiring dengan perkembangan ICT di sekolah. Bukan untuk menafikan betapa banyak dan fungsi guru tetapi realitinya guru mutakhir kini banyak dibebankan dengan tugas-tugas perkeranian yang menuntut kepada mencari penyelesaian wajar dan berhemah. Semua pihak perlu buka mata dan jangan alpa serta lupa bahawa guru yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sememangnya mampu membentuk produk yang cemerlang, gemilang malah terbilang. Justeru itu guru, ICT dan P&P adalah perkara yang seiring ibarat lagu dan irama yang tidak boleh dipisahkan.

Ringkasnya, banyak perkara yang perlu difikirkan apabila membicarakan ICT di sekolah. Antaranya ialah mengenal pasti adakah ICT di sekolah satu keperluan atau kemestian? Adakah ICT di sekolah membawa kepada peranan dan beban tugas guru bertambah? Atau adakah ICT sebenarnya banyak membantu meningkatkan prestasi akademik sekolah? Hakikatnya proses untuk menilai terma-terma ICT perlu diperhalusi agar ianya tidak membawa kepada masalah dan isu sejagat.

Adalah diharapkan bahawa peranan dan tanggungjawab guru yang pada dasarnya adalah pemangkin generasi akan datang tidak terganggu dengan kerja-kerja perkeranian. Bukan untuk meniadakan bahawa peranan guru sememangnya banyak namun pihak yang berautoriti perlu melihatnya dari aspek realiti dan desakan permintaan masa kini.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah